

SIARAN MEDIA

HAMPIR 22,000 PEKERJAAN DAN INTERNSHIP MENANTI BELIA & PENCARI KERJA DI MITI DAY SELANGOR PADA 5 OGOS 2023

Selaras dengan teras Ekonomi Madani yang diumumkan oleh YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar pada 27 Julai 2023, MITI Day 2023 bertemakan **Perkasa Industri, Maju Ekonomi** anjuran Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) bakal menawarkan **hampir 22,000 peluang pekerjaan dan *internship* kepada belia dan pencari kerja.**

Sebanyak **20 syarikat bakal menawarkan hampir 2,000 peluang pekerjaan** di sektor pengurusan, elektrik dan elektronik, peranti perubatan, automotif, aeroangkasa dan farmaseutikal. Selain itu, di bawah **Program *Academy in Industry (Aii)* sebanyak 20,000 peluang latihan industri** produktiviti tinggi ditawarkan kepada belia Selangor oleh 11 syarikat semikonduktor, automotif, *aerospace* dan sains hayat.

Selain peluang pekerjaan dan latihan *internship*, pelbagai syarikat juga menawarkan *Industry Career Talk*. Antaranya, Bual Kerjaya: Maju Kerjaya Industri Perkasa dan *First Impressions Matter: The Art of Grooming for interviews and Beyond*.

MITI Day Selangor 2023 yang diadakan di **Dewan Raja Muda Musa, Shah Alam** oleh MITI dengan sokongan 14 agensi di bawahnya menyasarkan seramai **13,000 pengunjung dari sekitar Shah Alam dan Lembah Kelang**. Program ini mendapat sokongan padu daripada rakan strategik iaitu Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam.

MITI Day yang telah dianjurkan sejak 2016 ini bertujuan mendekatkan rakyat kepada MITI dan bagi meningkatkan perhatian pemain industri tempatan atau PMKS terhadap peluang-peluang perniagaan melalui sektor pelaburan, perindustrian dan perdagangan di Malaysia.

Komuniti perniagaan atau bakal usahawan boleh mendapat pelbagai manfaat dari taklimat *pocket talks* mengenai keusahawanan, pembiayaan perniagaan dan fasilitasi eksport bagi menerokai pasaran tempatan dan antarabangsa seperti Bicara Saham: Ada Apa Dengan Saham, Terokai Pasaran Antarabangsa Bersama MATRADE, *Financing for SME, Mid-Tier & Large Businesses*, Jom Buat Produk Sendiri – Kosmetik & Detergent, *Go Export Financing Programme* dan Peluang Dalam Industri Halal.

MITI Day Selangor 2023 ini akan dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Amirudin Shari, Menteri Besar Selangor pada 5 Ogos 2023 (Sabtu). Beliau akan diiringi oleh Menteri MITI, YB Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Aziz; Ketua Setiausaha MITI, Datuk Seri Isham Ishak dan ketua-ketua agensi MITI. Pegawai-pegawai kanan daripada MITI, Kerajaan Negeri Selangor dan Majlis Bandaraya Shah Alam juga akan turut hadir.

MITI Day Selangor juga menyediakan pelbagai aktiviti menarik seperti jualan harga kilang, *Food Truck*, Bintang MITI DAY, Pameran kenderaan elektrik (EV), gerai-gerai Usahawan PKS dan selebriti tempatan. Layari media sosial MITI (Instagram: @mitimalaysia / Facebook: MITIMalaysia / Twitter: @MITIMalaysia) untuk maklumat lanjut pempamer dan aktiviti MITI Day Selangor 2023.

KEMENTERIAN PELABURAN, ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

4 OGOS 2023

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.



KEMENTERIAN
PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my